



Selamat Datang & Selamat Bertugas

SR. DR. ANUAR BIN MOHD SALLEH

sebagai

Menjalankan Tugas (Pengarah)

Pusat Sukan Universiti

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Berkuatkuasa 1 Januari 2024

ikhlas daripada

Warga Pusat Sukan Universiti

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



PENERAJU BARU, KEJAYAAN BARU: UCAPAN SELAMAT KEPADA PENGARAH BAHARU PUSAT SUKAN

UTHM | 1 Januari 2024 | Seluruh warga kerja Pusat Sukan Universiti mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan selamat datang kepada Sr. Dr. Anuar bin Mohd Salleh atas lantikan sebagai Menjalankan Tugas (Pengarah) Pusat Sukan Universiti, UTHM berkuatkuasa 1 Januari 2024. Semoga perkhidmatan beliau membawa kecemerlangan dan kemajuan kepada komuniti sukan universiti.

KUNJUNGAN ISTIMEWA DELEGASI PESILAT BELANDA KE UTHM

UTHM | 3 Januari 2024 | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia baru sahaja menerima Kunjungan Delegasi Pesilat Belanda yang telah disambut baik oleh YB Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM. Kunjungan ini juga adalah salah satu inisiatif pertukaran budaya silat Malaysia dan Belanda



KEJOHANAN TENIS JEMPUTAN UPSI 2024

UPSI, Tanjung Malim | 6-7 Januari 2024 | Pasukan Tenis UTHM telah menyertai Kejohanan Tenis Jemputan UPSI 2024 dalam kategori Men's Singles dan Men's Doubles dan berjaya memberikan prestasi yang memberangsangkan. Berikut adalah keputusan dan sorotan pada hari pertandingan. Tahniah kepada semua pemain.

[Men's Doubles]

Johan 🏆

Amirul Idham bin Zaide (FKMP)

Khalis (Alumni)

Finalist

Mohamad Syahmi Hilmi bin Zaharuddin (FKEE)

Mohamad Syafiq bin Mohamad Husain (FKMP)

[Men's Singles]

Semifinalist

Mohamad Syafiq bin Mohamad Husain (FKMP)

Quarterfinalist

Mohamad Syahmi Hilmi bin Zaharuddin (FKEE)

Amirul Idham bin Zaide (FKMP)



UTHM FC JUARA LIGA BOLA SEPAK IPT (LBSIPT) DIVISYEN 3 2023/2024



UKM, Bangi | 6-13 Januari 2024 |

Sekalung ucapan syabas dan tahniah diucapkan kepada Pasukan Bola Sepak UTHM FC atas kejayaan dinobatkan sebagai Johan Liga Bola Sepak IPT (LBSIPT) Divisyen 3 2023/2024 yang telah berlangsung pada 6 hingga 13 Januari 2024 bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Skuad UTHM FC berjaya menewaskan Pasukan UNITEN FC menerusi sepakan penalti dengan keputusan (4-1) setelah berakhir seri 2-2 pada masa penuh. Seorang pemain Skuad UTHM FC juga iaitu Muhamad Aiman Najmi bin Mohd Nazri (FPTV) yang bermain di posisi penjaga gol telah dinobatkan sebagai Pemain Terbaik Perlawanan Akhir setelah berjaya mempamerkan aksi cemerlang yang dimana menjadi tonggak utama pasukan pada perlawanan akhir ini.



Skuad UTHM FC sekaligus telah berjaya melayakkan pasukan ke Divisyen 2 Liga Bola Sepak IPT setelah berjaya mara ke perlawanan akhir. Perlawanan akhir ini juga telah dihadiri oleh YB Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM, YBhg. Prof. Sr. Ts. Dr. Haji Lokman Hakim bin Haji Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UTHM dan Sr. Dr. Anuar bin Mohd Salleh, Menjalankan Tugas (Pengarah) Pusat Sukan Universiti serta pegawai-pegawai Pusat Sukan Universiti bagi memberi sokongan padu kepada pasukan UTHM

KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI UNIVERSITAS TANJUNGPURA, INDONESIA KE UTHM

UTHM | 15 Januari 2024 | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia telah menerima kunjungan delegasi daripada Universitas Tanjungpura, Indonesia yang terdiri daripada staf-staf universiti yang bermain bagi Pasukan Bola Sepak UNTAN. Kedatangan delegasi ini merupakan momentum penting dalam membina jaringan kerjasama yang erat bagi kedua-dua universiti.



Bukan itu sahaja, semangat silaturahmi turut dizahirkan dalam perlawanan persahabatan antara UTHM FC dan PS UNTAN. Perlawanan bola sepak ini bukan sahaja acara sukan yang menarik, malah simbol kebersamaan dan perpaduan antara dua institusi pendidikan. Para pemain dengan semangat juang yang tinggi mencipta detik-detik kenangan yang mengeratkan ukhuwah antara staf universiti. Perlawanan persahabatan tersebut berakhir dengan keputusan seri 2-2.

AVR VOLLEYBALL CHAMPIONSHIP 2024

UTM, Skudai | 20 Januari 2024 | Pasukan Bola Tampar telah menjadi Naib Juara di pusingan awal (kumpulan) seterusnya melayakan pasukan ke pusingan kalah mati. Pasukan memperbaiki dan mengatur strategi baharu seterusnya membawa pasukan ke peringkat akhir seterusnya. Walaubagaimanapun pasukan terpaksa akur dengan ketangkasan dan kualiti pasukan lawan yang merupakan pasukan tuan rumah (AVR TEAM A) dengan kiraan mata 31-28 seterusnya menempatkan pasukan sebagai naib juara kejohanan ini. Salah seorang pemain telah menerima anugerah “ Best Server “.

Menyertai kejohanan ini merupakan sebahagian perancangan awal bagi tahun 2024 pasukan pelajar dan pasukan staff bagi mewakili universiti untuk kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum - pelajar) dan Sukan Staff Universiti Malaysia (Sukum - Staf).



MAJLIS KALUNGAN SEMULA PINGAT KEJUARAAN LIGA BOLA SEPAK IPT DIVISIYEN 3 2023/2024

UTHM | 28 Januari 2024 | Majlis Kalungan Semula Pingat Kejuaraan Liga Bola Sepak IPT Divisyen 3 2023/2024 menjadi satu acara yang penuh makna, merayakan kegemilangan Pasukan Bola Sepak UTHM yang telah menjuarai Liga Bola Sepak IPT Divisyen 3 2023/2024 dengan kecemerlangan yang tidak terbanding.

Kehadiran Yang Berbahagia Dato' Sri Ibrahim bin Ahmad, Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, menyinari majlis dengan aura kemuliaan dan sokongan daripada pihak atasan universiti. Kepimpinan dan dorongan beliau memainkan peranan penting dalam membangunkan sukan di kalangan pelajar, dan turut menjadi inspirasi kepada Pasukan Bola Sepak UTHM untuk terus mengejar keunggulan.

Turut hadir dalam majlis adalah Yang Berbahagia Prof. Sr. Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim bin Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UTHM, serta Yang Berusaha Sr. Dr. Anuar bin Mohd Salleh, Menjalankan Tugas Pengarah, Pusat Sukan Universiti. Kehadiran mereka tidak hanya sebagai pendorong semangat, tetapi juga sebagai pengiktirafan kepada pencapaian gemilang Pasukan Bola Sepak UTHM.





Kalangan semula pingat kejuaraan yang melambangkan kehebatan dan kecemerlangan disampaikan dengan penuh kehormatan oleh Yang Berbahagia Dato' Sri Ibrahim bin Ahmad. Momen ini bukan hanya sekadar penganugerahan, tetapi juga sebagai pengiktirafan terhadap usaha bersungguh-sungguh, latihan keras, dan semangat juang tanpa batas yang dipersembahkan oleh setiap pemain.

Kejayaan ini adalah tonggak bersejarah, dan semangat juang yang terus berkobar di setiap pemain menjadi sumber inspirasi untuk generasi akan datang. Terima kasih kepada semua yang terlibat, termasuk penyokong yang sentiasa setia bersama pasukan. Mari bersama-sama teruskan menyokong dan menyemarakkan semangat kejayaan di UTHM

INSPIRASI MELALUI 7 ATLET FRISBEE UTHM DI KLINIK FRISBEE BERSAMA PELAJAR SMK JALAN KOTA TINGGI


Kluang | 4 Februari 2024 | Dalam satu inisiatif yang menggembirakan, tujuh atlet dari pasukan frisbee Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah dijemput untuk menyertai Klinik Frisbee bersama pelajar SMK Jalan Kota Tinggi. Keberkesanan pasukan frisbee UTHM telah menjadi sumber inspirasi dan motivasi untuk membimbing para pelajar sekolah dalam dunia sukan yang menyeronokkan ini.

Dalam Klinik Frisbee, para atlet UTHM berperanan sebagai mentor dan penceramah, membimbing para pelajar SMK Jalan Kota Tinggi dalam aspek-aspek teknikal dan taktikal dalam permainan frisbee. Sesi latihan khas dijalankan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai strategi bermain frisbee yang efektif dan aspek-aspek kesihatan yang berkaitan.



KUNJUNGAN MESRA MPP KE PUSAT SUKAN UNIVERSITI

UTHM | 14 Februari 2024 | Pusat Sukan Universiti telah menerima kunjungan wakil dari Jabatan Sukan, Rekreasi dan Kebudayaan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTHM Sesi 2023/2024. Wakil jabatan terdiri daripada Saudara Aminnordin (Ketua Jabatan), Saudari Maisarah (Setiausaha) dan Saudara Naim yang telah membentangkan beberapa cadangan sasaran kerja tahunan bagi tahun 2024 kepada Sr. Dr. Anuar bin Mohd Salleh, Menjalankan Tugas Pengarah PSU. Sepanjang sesi ini, kedua pihak bertukar pendapat dan pandangan dalam memastikan aktiviti dan program sukan di UTHM sentiasa berjalan dengan lancar dan menyeluruh.



PERHIMPUNAN KECERGASAN BIL. 1/24

UTHM | 20 Februari 2024 | Pusat Sukan Universiti bersama Pusat Kepimpinan dan Kompetensi telah menganjurkan Perhimpunan Kecergasan Bil. 1/24 bertempat di Dewan Terbuka UTHM. Acara pada kali ini adalah senaman "Tabata" yang dikendalikan oleh Coach Roy. Anggaran peserta yang menyertai "Tabata" adalah seramai 150 orang

SELAMAT BERJUANG KONTINJEN PUSAT SUKAN UNIVERSITI

UTHM | 21 Februari 2024 | Selamat Maju Jaya diucapkan kepada Kontinjen Pusat Sukan Universiti yang akan menyertai Sukan Antara Pusat Sukan Universiti (SUPSAT) 2024 pada 23-24 Februari 2024 bertempat di Universiti Malaysia Kelantan. Majlis penyerahan bendera juga sebentar tadi telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Prof. Sr. Ts. Dr. Haji Lokman Hakim bin Haji Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) yang telah berlangsung di Lobi Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM dan amanat telah disampaikan oleh beliau bagi memberi semangat dan motivasi kepada setiap staf yang bertanding



LENSA MEDIA SUKAN ANTARA PUSAT SUKAN (SUPSAT) 2024

UMK, Bachok | 23 Februari 2024 | Hari Pertama Kejohanan SUPSAT 2024

Keputusan Perlawanan : Sepak Penalti
Peringkat Kumpulan

1. UTHM 4 - 3 UUM
2. UTHM 3 - 2 UTM
3. UTHM 4 - 0 UKM
4. UTHM 4 - 3 UTeM
5. UTHM 5 - 4 USIM

*UTHM JUARA KUMPULAN

Suku Akhir :

UTHM 2-4 UMK

TERKANDAS DI SUKU AKHIR

Keputusan Perlawanan : Tenpin Bowling
Tempat ke 13 / 17
Markah Keseluruhan : 1337
Keputusan



LENSA MEDIA SUKAN ANTARA PUSAT SUKAN (SUPSAT) 2024

UMK, Bachok | 24 Februari 2024 | Hari Kedua Kejohanan SUPSAT 2024

Keputusan Perlawanan : Karom Lelaki

Round 16 :
UTHM 2-1 UMPSA

Suku Akhir :
UTHM 2-1 UTeM

Separuh Akhir :
UTHM 2-1 USM

Akhir :
UTHM 0-2 UiTM
*Pingat Perak

Keputusan : Dart Lelaki
UTHM 2-1 UUM
UTHM 0-2 UMS
UTHM 2-1 UniMAP
UTHM 0-2 UM

*Terkandas di peringkat kumpulan

Keputusan : Petanque Campuran
*Terkandas di peringkat kumpulan



PINGAT PERAK BAGI ACARA KAROM

UMK, Bachok | 24 Februari 2024 | Tahniah diucapkan kepada En. Mohammad Farhan bin Taib dan En. Akmal Nur Azim bin Ahmad Nasri atas kejayaan memperoleh Pingat Perak acara Karom Lelaki di Kejohanan Sukan Antara Pusat Sukan (SUPSAT) 2024.



LAWATAN MESRA MENJALANKAN TUGAS PENGARAH PUSAT SUKAN UNIVERSITI BERSAMA PENGARAH PUSAT SUKAN UMK

UMK, Bachok | 24 Februari 2024 | Sr. Dr. Anuar bin Mohd Salleh, Menjalankan Tugas Pengarah, Pusat Sukan Universiti UTHM berkesempatan mengunjungi Pengarah Pusat Sukan UMK, En. Wan Ahmad Khairul Bin Wan Ahmad Najib sempena berlangsungnya Kejohanan SUPSAT 2024 di Universiti Malaysia Kelantan, Bachok



MESYUARAT MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) UTHM - PERDAMA

UTHM Kampus Pagoh | 26 Februari 2024 | Telah diadakan Mesyuarat Memorandum Persefahaman (MOU) UTHM - PERDAMA di UTHM Kampus Cawangan Pagoh, mencerminkan tekad untuk memperkuat kerjasama dalam bidang pendidikan dan pembangunan atlet. Kehadiran wakil dari kedua belah pihak menggambarkan komitmen yang tinggi terhadap peningkatan mutu dan inovasi dalam bidang keilmuan. Sesi perbincangan yang konstruktif mencerminkan hasrat bersama untuk memajukan pendidikan tinggi dan mencapai kecemerlangan akademik. MOU ini menjadi landasan yang kukuh bagi kerjasama yang berkekalan, membentuk sinergi yang positif antara UTHM dan PERDAMA





TINJAUAN KE KLINIK ASAS PEMBANGUNAN INDOOR ROWING

UTHM Kampus Pagoh | 26 Februari 2024 | Lawatan Pusat Sukan Universiti ke UTHM Kampus Cawangan Pagoh bagi meninjau Bot Rowing di Tasik Hub Pendidikan Tinggi Pagoh dan Klinik Asas Pembangunan Indoor Rowing anjuran Pusat Sukan Tumpuan Mendayung (PST) KPT-UTHM dengan kerjasama Persatuan Mendayung Malaysia (PERDAMA) yang sedang berlangsung pada 24 hingga 26 Februari 2024



SELAMAT MAJU JAYA PASUKAN FUTSAL WANITA DAN SEPAK TAKRAW LELAKI

UTHM | 28 Februari 2024 | Selamat Maju Jaya diucapkan kepada Kontinjen UTHM yang akan menyertai Liga Futsal IPT Wanita 2024 (Kelayakan) pada 28 Februari 2024 - 2 Mac 2024 bertempat di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Varsity Sepak Takraw League (VSL) Sirkit 1, 2024 pada 29 February 2024 - 3 Mac 2024 bertempat di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Majlis penyerahan bendera juga sebentar tadi telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Dr. Nashua bin Sa'ude, Menjalankan Tugas Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) yang telah berlangsung di Lobi Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM dan amanat telah disampaikan oleh beliau bagi memberi semangat dan motivasi kepada setiap atlet pelajar yang bertanding





Diterbitkan oleh :

BAHAGIAN PENGURUSAN STRATEGIK & KORPORAT
PUSAT SUKAN UNIVERSITI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

86400, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Tel.: 07 - 4537449

Fax: 07 - 4536581